



**KENYATAAN MEDIA
YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
MULAI 18 MAC HINGGA 31 MAC 2020
BAGI URUSAN PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU'
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

Perintah kawalan ini dibuat selaras dengan arahan Kerajaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini, semua urusan yang berkaitan dengan Perkahwinan, Perceraian, dan Ruju' Orang Islam Negeri Pahang adalah tertakluk sebagaimana ketetapan berikut :-

1. Pengurusan Nikah, Cerai Dan Ruju' Orang Islam di Negeri Pahang

i. **Bagi Permohonan Kebenaran Berkahwin**

- (a) Sepanjang tempoh berkuatkuasanya Perintah Kawalan Pergerakan ini bermula, **SEMUA** Kebenaran Berkahwin hendaklah **DITANGGUHKAN**.
- (b) Mana-mana Kebenaran Berkahwin yang **telah dikeluarkan sebelum dari tarikh tempoh berkuatkuasanya Perintah Kawalan Pergerakan** ini dan **majlis akad nikah tersebut akan dilangsungkan pada tarikh Perintah Kawalan Pergerakan**, maka majlis akad nikah tersebut dicadangkan agar **DITANGGUHKAN** atau **sekiranya berhasrat meneruskan maka ia perlu mendapat KEBENARAN** Ketua Polis Daerah selepas memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Warta Kerajaan Persekutuan, *Perintah Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan*

Jangkitan) 2020, dan mematuhi tatacara Majlis Akad Nikah sebagaimana dinyatakan pada perkara (1.ii) arahan ini.

ii. **Tatacara Majlis Akad Nikah**

1. Mendapatkan **KEBENARAN** daripada Ketua Polis Daerah (Permit Pengecualian Kawalan Pergerakan)
 2. Dijalankan di premis persendirian. **TIDAK DIBENAR** melangsungkan majlis akad nikah di tempat awam seperti masjid, surau dan seumpamanya.
 3. Meminimakan kehadiran orang ke majlis (tidak melebihi 10 orang) dan hanya yang berkeperluan untuk hadir seperti :
 - i. Seorang jurunikah
 - ii. Pengantin lelaki
 - iii. Pengantin perempuan
 - iv. Seorang Wali
 - v. Dua orang saksi
 4. Masa perjalanan Majlis Akad Nikah hendaklah dipendekkan dan **TIDAK MELEBIHI 20 MINIT.**
 5. Menggunakan hand sanitizer (penyahkuman) sebelum dan selepas majlis akad nikah.
 6. Semua yang hadir pada Majlis Akad Nikah berkenaan hendaklah **DIDAFTARKAN** nama, alamat semasa serta nombor telefon dan diserahkan kepada Wali Hakim / Jurunikah.
 7. Jika Penganjur tidak mematuhi Tatacara ini, Wali Hakim / Jurunikah dengan kuasa Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' Negeri Pahang, boleh **MENANGGUHKAN** majlis tersebut.
- (c) Bagi Majlis Resepsi / Kenduri Kahwin untuk Majlis Akad Nikah tersebut, hendaklah **DITANGGUHKAN.**

iii) **Permohonan Pengesahan & Pendaftaran Nikah, Cerai Dan Ruju'**

- (a) Segala urusan berkaitan Permohonan Pengesahan & Pendaftaran nikah, cerai dan ruju' semasa berkuatkuasanya Perintah Kawalan Pergerakan ini hendaklah **DITANGGUHKAN KECUALI** urusan secara atas talian di pautan www.emunakahat.pahang.gov.my.

2. Penganjuran Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam Negeri Pahang (MBKPI)

- i. Dengan berkuatkuasanya Perintah Kawalan Pergerakan ini bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020, maka **SEMUA** pelaksanaan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Negeri Pahang hendaklah **DITANGGUHKAN** bermula dari tarikh berkuatkuasanya Perintah Kawalan pergerakan ini.
- ii. Apa jua tarikh yang dipersetujui dengan pelanggan yang akan berlangsung pada tarikh berkuatkuasanya Perintah Kawalan pergerakan ini hendaklah **DIPINDA** ke suatu tarikh yang lain.
- iii. Mana-mana Penganjur yang didapati melanggar arahan pekeliling ini akan diambil tindakan oleh pihak Jabatan.

Semua pihak adalah diminta **AKUR DAN MEMATUHI ARAHAN** ini sepanjang tempoh berkuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan iaitu bermula 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 demi menjaga masalah umat Islam khususnya berkaitan isu penularan virus Covid-19 ini. Perintah ini berkuat kuasa serta merta.

Semoga ikhtiar ini mendapat Inayah dan Taufiq di sisi Allah Taala serta mampu untuk menyekat dan mengekang penularan wabak Covid-19 dalam masa terdekat.

YB. DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK
Setiausaha Kerajaan Pahang
19 Mac 2020